

# MT setuju saranan PM tubuh 'briged pekerja'

9

UM

8

APR 1966

DESARU (Kota Tinggi) 7 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan sebuah "briged pekerja" diwujudkan di seluruh negara untuk melahirkan generasi Melayu moden yang memiliki semangat rajin bekerja terutama di kawasan - kawasan luar bandar.

Arahan ini dibuat setelah dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Kuala Lumpur pada 15 Mac lalu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Sri Adib Adam menyatakan hal ini ketika berucap merasmikan dewan serbaguna bandar Penawar di sini hari ini.

Katanya, Perdana Menteri telah mengarahkan badan-badan berkanun supaya membuat kajian untuk melaksanakan briged pekerja tersebut.

Menurutnya, melalui briged setiap anggota masyarakat Melayu akan dididik dengan semangat be-

kerja yang lebih kuat bukannya sahaja di bidang pertanian tetapi juga mengenai pemahiran di bidang ekonomi.

Katanya, langkah ini juga akan mengimbangi perbezaan sikap bekerja yang terdapat di kalangan orang Melayu dengan bangsa - bangsa lain seperti yang berlaku di negara ini.

Melalui program ini juga orang Melayu yang bakal lahir akan mempunyai sikap bekerja lebih rajin, tidak mudah putus asa dan berdikari.

Beliau menerangkan sistem briged pekerja ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Tanah melalui "Program Belia Tani Negara" (BETARA) sebelum ini.

Walaupun sistem briged pekerja ini bakal diwujudkan sistem BETARA yang dilaksanakan oleh kementerianya akan terus dilaksanakan.

Tambah beliau lagi, langkah ini bersesuaian dengan kehendak kerajaan yang mahu mengimbangi perkembangan pertanian

dengan perkembangan baru di bidang industri.

Sebelum itu Datuk Adib berkata, beliau telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Wilayah supaya menekankan aspek pembangunan kemanusiaan dan bukan pembangunan tanah sahaja.

Langkah ini perlu memandangkan pembangunan ekonomi penting tetapi kalau tidak diseimbangkan dengan pembangunan rohani yang kuat akan melahirkan masyarakat yang pincang.